

Headline	Jangkitan yis pada vagina		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	26 Nov 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	48	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	405 cm <sup>2</sup>
Journalist	Julie Roshana Akma Bt. Shafee	AdValue	RM 3,506
Frequency	Weekly	PR Value	RM 10,518



# Jangkitan yis pada vagina

Jangkitan yis pada vagina menyebabkan kerengsaan pada vagina dan kawasan sekitarnya yang dipanggil vulva. Yis adalah sejenis kulat. Jangkitan ini disebabkan oleh kulat *Candida albicans* yang terlebih banyak pada vagina.

Sebenarnya sejumlah kecil yis sentiasa ada pada vagina. Tetapi apabila terlebih banyak yis di vagina menyebabkan anda mengalami jangkitan. Jangkitan ini biasa berlaku, kira-kira 75 peratus wanita mengalaminya sepanjang hidup mereka. Hampir separuh daripada wanita mengalami dua atau lebih jangkitan yis pada vagina.

## Tanda-tanda jangkitan

Gejala-gejala biasa jangkitan yis pada vagina adalah kegatalan teruk di dalam dan sekeliling vagina. Gejala-gejala lain termasuklah:

- Rasa panas, kemerahan, dan pembengkakan pada vagina dan vulva.
- Sakit apabila kencing.
- Sakit ketika melakukan hubungan seksual.
- Kerengsaan.
- Keluar cairan tebal berwarna putih yang kelihatan seperti keju cair dan tidak mempunyai bau busuk.
- Ruam pada vagina.

## Perlu kah berjumpa doktor?

Anda perlu berjumpa doktor jika mengalami gejala-gejala di atas bagi memastikan sama ada diri mengalami jangkitan kulat. Tanda-tanda jangkitan yis adalah seperti klamidia dan gonorea iaitu penyakit-penyakit yang disebarkan melalui hubungan seksual. Adalah amat sukar untuk memastikan dengan jelas sama ada anda mengalami jangkitan yis dan bukan sesuatu yang serius.

Jika anda pernah mengalami jangkitan yis pada vagina sebelum ini, berbincanglah

dengan doktor berkaitan dengan penggunaan ubat yang boleh dibeli di farmasi.

## Diagnosis

Biasanya doktor akan melakukan pemeriksaan pelvik untuk melihat sama ada terdapat sebarang pembengkakan dan cairan. Doktor juga mungkin mencalit vagina untuk mendapatkan sampel cecair untuk diuji. Ujian makmal mampu menunjukkan penyebab masalah.

## Punca jangkitan

Kebanyakan perkara yang meningkatkan risiko jangkitan yis pada vagina adalah seperti berikut:

- Tekanan.
- Kekurangan tidur.
- Penyakit.
- Tabiat makan buruk, termasuklah pengambilan makanan tinggi gula.
- Kehamilan.
- Datang haid.
- Pengambilan ubatan tertentu, termasuklah pil pencegah kehamilan, antibiotik dan steroid.
- Penyakit seperti diabetes yang kurang kawalan dan HIV/AIDS.
- Perubahan hormone semasa haid.

## Jangkitan yis daripada hubungan seksual

Keadaan ini boleh berlaku, tetapi ia jarang berlaku. Kebanyakan wanita tidak mendapat jangkitan yis daripada hubungan seksual. Penyebab biasa ia berlaku adalah sistem imun atau kekebalan yang lemah.

## Rawatan

Jangkitan yis boleh disembuhkan dengan ubatan antikulat seperti:

- Krim.
- Tablet.
- Salap atau supositori yang dimasukkan ke dalam vagina.

Produk-produk ubatan ini boleh dibeli di farmasi. Doktor juga akan memberi preskripsi ubat makan fluconazole. Tetapi ubat ini tidak akan diberi jika anda hamil.

Jangkitan-jangkitan yang tidak bertindak balas pada ubatan ini akan menjadi biasa. Penggunaan ubat antikulat apabila

anda tidak mengalami masalah jangkitan yis boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan yang sukar untuk dirawat pada masa hadapan.

Adakah selamat untuk menggunakan ubat yang dibeli di farmasi untuk merawat jangkitan yis.

Boleh membeli ubat itu di farmasi tetapi pastikan anda sentiasa mendapat nasihat doktor sebelum merawat sendiri masalah jangkitan yis pada vagina jika:

- Hamil.
- Tidak pernah didiagnosis menghidap jangkitan yis.
- Kerap mengalami masalah jangkitan yis.

Kajian menunjukkan dua pertiga wanita yang membeli produk-produk ini sebenarnya tidak mengalami jangkitan yis. Menggunakan ubat ini dalam cara yang salah boleh membawa kepada masalah jangkitan yang sukar untuk dirawat.

Selain itu, merawat dengan sendiri masalah jangkitan yis apabila anda sebenarnya mengalami masalah lain boleh memburukkan lagi masalah. Jangkitan tertentu yang tidak dirawat boleh menyebabkan kanser, ketidaksuburan, masalah ketika hamil, dan masalah-masalah kesihatan yang lain. ■

## Elak diri jangkitan yis lain

- Elakkan mengguna pencuci vagina.
- Elakkan penggunaan produk kebersihan yang berbau wangi seperti cecair mandian, semburan, tampon dan tuala wanita.
- Sentiasa menukar tampon dan tuala wanita sewaktu sedang haid.
- Elakkan seluar dalam ketat atau pakaian yang diperbuat daripada serat sintetik.
- Pakai seluar dalam kapas dan sarung kaki kapas.
- Tukar pakaian renang atau pakaian renang dengan segera selepas bersukan.
- Elakkan mandian menggunakan air panas.

Headline	Jangkitan yis pada vagina		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	26 Nov 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	48	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	405 cm <sup>2</sup>
Journalist	Julie Roshana Akma Bt. Shafee	AdValue	RM 3,506
Frequency	Weekly	PR Value	RM 10,518

